

MAJLIS DAERAH BATU GAJAH
PERAK DARUL RIDZUAN
JABATAN KEJURUTERAAN

Bil:(05)dIm.MDBG.SULIT/S45/2016

Tarikh : 01 November 2016

NOTIS SEBUT HARGA

(SEBUTHARGA: 40/2016)


SEBUT HARGA UNTUK KONTRAKTOR BERTARAF BUMIPUTERA SAHAJA

Sebutharga ini terbuka kepada kontraktor yang **berdaftar GST / tidak berdaftar GST** serta **bertaraf Bumiputera** sahaja yang layak dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

BIL	BUTIR- BUTIR SEBUTHARGA	KELAYAKAN	BUTIR-BUTIR TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN WAKTU DOKUMEN DIJUAL	TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN WAKTU TAWARAN DITUTUP
1.	No Sebutharga: 40/2016 Projek: PEMBINAAN TAPAK SEMAIAN UNTUK BAHAGIAN LANDSKAP MD BATU GAJAH, PERAK.	GRED G1 Kategori B & C Pengkhususan B 04, CE01 &CE21	Tempat Taklimat: Jabatan Kejuruteraan Aras 1, Majlis Daerah Batu Gajah Perak Darul Ridzuan. Tarikh: 08 November 2016 Jam: 9.30 Pagi Kehadiran : WAJIB	Tarikh Dijual: 08 November 2016 Waktu: 8.00 pg hingga 4.30 ptg (Isnin - Khamis) 8.00 pg hingga 12.00 t/hari 3.00 ptg hingga 4.30 ptg (Jumaat)	Jabatan Kejuruteraan Aras 1, Majlis Daerah Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan. Harga Dokumen: RM50.00	Tarikh Tutup: 15 November 2016 Jam: 12.00 Tengahari

1. Lawatan ke tapak projek adalah **DIWAJIBKAN** kepada semua kontraktor yang berminat dengan kerja yang akan ditawarkan seperti di atas.
2. Hanya **Penama** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan CIDB sahaja boleh menghadiri lawatan tapak dan taklimat Sebut harga.
3. Kontraktor dikehendaki membawa bersama sijil asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Perakuan Pendaftaran CIDB** yang masih **berkuatkuasa** semasa pendaftaran dan lawatan tapak untuk sebut harga ini. Jika tempoh telah **tamat** pihak kontraktor **tidak dibenarkan** untuk menyertai sebut harga.

4. Kontraktor dikehendaki melampirkan salinan **resit bayaran** pada setiap **borang sebutharga** yang berkenaan sebelum dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga**.
5. Semua borang sebutharga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUTHARGA, DI JABATAN KEJURUTERAAN, MAJLIS DAERAH BATU GAJAH, 31000 BATU GAJAH** seperti di atas.
6. Kontraktor yang mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh **MAJLIS DAERAH BATU GAJAH** sahaja yang **layak** untuk dipertimbangkan.
7. Pentadbiran ini tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah sekali atau mana-mana sebut harga yang disyorkan.



(NURDIANA BT. PUAADI)
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Batu Gajah.

“INOVASI DIDEPANI, VISI DIREALISASI”